

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk meningkatkan kadar sara diri bagi bahan asas makanan kerana kadar sara diri masih tidak memuaskan setakat ini bagi makanan asas seperti beras (72%), daging lembu (28%), daging kambing (10%), susu (5%), buah-buahan (66%) dan sayur-sayuran (39%).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil pelbagai pendekatan dan inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan dan meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) seperti berikut:

1. meningkatkan produktiviti padi dan pengeluaran beras negara dengan pendekatan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang menekankan skala ekonomikal melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya. Program ini menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12);

2. menubuhkan Lembaga Ruminan Negara untuk meningkatkan kemampunan dan pertumbuhan industri ternakan serta hasilan ruminan seperti daging dan tenusu yang dijangka akan beroperasi secara berfasa bermula pada tahun 2022. Selain itu, inisiatif-inisiatif khusus juga akan dilaksanakan bagi meningkatkan keselamatan makanan melalui kawalan penyakit haiwan dan amalan penternakan baik;
3. meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran dengan memperkuuh dan menambah baik infrastruktur dan fasiliti di kawasan pengeluaran makanan seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Projek Pertanian Moden (PPM). Amalan pertanian baik juga diberikan penekanan melalui pensijilan myGAP dan myOrganic untuk menghasilkan bahan makanan yang selamat dan berkhasiat;
4. memperluas pemodenan dan pertanian pintar melalui kemudahan pembiayaan seperti Program Modernisasi Rantaian Nilai Agromakanan sebanyak RM60 juta dan Program Modernisasi Vesel dan Mekanisasi Tangkapan sebanyak RM150 juta untuk perolehan vesel moden dan peralatan berdasarkan IR4.0. Dana pertanian pintar juga akan diperuntukkan dalam tempoh RMKe-12;
5. mempergiat aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) untuk menghasilkan varieti / benih berhasil tinggi, rentang penyakit dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim serta teknologi / input penanaman yang mesra alam. Antara varieti baharu adalah seperti benih padi MR315 dan MRQ104 serta IS21 yang mempunyai kerintangan lebih tinggi terhadap penyakit dan perosak; dan
6. menggalakkan penyertaan golongan belia dalam bidang pertanian dan agromakanan serta meningkatkan kapasiti tenaga kerja melalui Program Agropreneur Muda dan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan. Bermula tahun 2016 sehingga kini, 7,571 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima manfaat geran dan pembiayaan di bawah Program Agropreneur Muda. Dalam tempoh RMKe-11 juga, seramai 5,665 graduan telah menerima sijil / diploma dalam bidang pengkhususan pertanian dan pengeluaran makanan.

Perancangan di atas akan terus diberikan tumpuan dan fokus oleh MAFI dalam meningkatkan kemampuan pengeluaran makanan domestik sepanjang tempoh pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) melalui pelbagai program dan projek RMKe-12 yang sedang dan bakal dilaksanakan.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk merangka dasar sekuriti makanan yang holistik dan mampan. Menerusi platform ini, satu pelan tindakan khusus bagi meningkatkan sekuriti makanan serta menggalakkan pengeluaran dan produktiviti domestik iaitu Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 telah dibangunkan secara kerjasama dengan agensi dan kementerian lain.

Antara strategi utama yang telah digariskan di bawah Pelan Tindakan DSMN untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara termasuk memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem makanan berteraskan skala ekonomikal dan pertanian mampan serta memperkasa penyelidikan dan pembangunan termasuk penghasilan input pertanian seperti makanan ternakan, baka dan benih berkualiti secara domestik.

Melalui perancangan dan strategi yang digariskan oleh MAFI dalam meningkatkan pengeluaran makanan negara, SSL bahan makanan asas pada tahun 2019/2020 akan dapat ditingkatkan menjelang tahun 2030 kepada sasaran beras (80%), daging lembu (50%), daging kambing (30%), susu segar (100%), buah-buahan (83%) dan sayur-sayuran (79%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN (IPOH BARAT)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk melengkapkan SJKT dengan fasiliti prasekolah kerana hanya 45% SJKT yang mempunyai fasiliti prasekolah setakat ini; dan
- (b) adakah Kerajaan sedia memetik atau mengikuti Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah Tamil yang dilancarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2014.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peluasan kelas prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dilaksanakan secara berterusan mengikut unjuran keperluan yang dikemukakan oleh jabatan pendidikan negeri (JPN). Peluasan prasekolah ini meliputi semua jenis sekolah, termasuklah sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). KPM menggunakan empat pendekatan untuk memperluas kemudahan prasekolah seperti berikut:

**i. Peluasan tanpa kos fizikal**

Peluasan ini dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan sedia ada di sekolah dan dibuat secara berterusan mengikut unjuran keperluan daripada JPN.

**ii. Ubah suai dan naik taraf kelas biasa kepada kelas prasekolah melalui *Rolling Plan***

Permohonan ubah suai dan naik taraf ini perlu mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

**iii. Permohonan pembinaan kelas baharu prasekolah KPM**

Permohonan ini dibuat oleh JPN berdasarkan kesesuaian tapak serta pematuhan Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan Projek seperti yang terkandung dalam Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2 Tahun 2009. Peruntukan pembangunan ini, termasuklah kos untuk membina bangunan baharu serta pembekalan peralatan dan perabot.

**iv. Pembinaan Institusi Baharu**

Pembukaan kelas prasekolah bersekali dengan pembukaan institusi baharu perlu mendapat kelulusan daripada UPE, JPM.

Berdasarkan data Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 253 SJKT (48 peratus) daripada 527 SJKT di seluruh negara dilengkapi dengan kemudahan prasekolah. Pada masa ini, KPM telah menerima tiga permohonan peluasan kelas prasekolah SJKT, iaitu SJKT Jerantut dan SJKT Karak di Pahang serta SJKT Port Dickson, Negeri Sembilan. Semua permohonan yang diterima akan dipertimbangkan oleh KPM. Permohonan yang memenuhi kriteria akan diangkat untuk pertimbangan agensi pusat tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa berusaha untuk menyediakan akses pendidikan berkualiti kepada semua murid sekolah di bawah KPM termasuk sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelan ini mengambil kira keperluan pendidikan untuk semua murid dalam kesemua kategori dan jenis sekolah bawah KPM.

Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-sekolah Tamil merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB) yang disediakan oleh Sekretariat Pelan Tindakan Masyarakat India, Jabatan Perdana Menteri dan kini diselia oleh Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Kementerian Perpaduan Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN (IPOH BARAT)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) sama ada pengambilan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) juga akan dibuka kepada pelajar daripada sekolah vernakular seperti mana yang dilaksanakan oleh Maktab Rendah Sains Mara (MRSM); dan
- (b) nyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2020, permohonan kemasukan ke SBP bagi sesi tahun 2021 adalah melalui kaedah single entry point, iaitu Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK). Pentaksiran ini dijalankan secara dalam talian.

PKSK merupakan satu kaedah pentaksiran standard secara berpusat dan dilaksanakan kepada murid yang memohon kemasukan ke sekolah khusus. Sekolah khusus merujuk kepada SBP, sekolah menengah teknik, kolej vokasional, sekolah menengah kebangsaan agama dan Maktab Tentera Diraja. Pentaksiran ini merangkumi tiga komponen utama iaitu kecerdasan insaniah, kecerdasan intelek dan artikulasi penulisan.

Semua murid warganegara yang berdaftar dengan sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), KPM dari sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan (SJK), sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) atau sekolah swasta adalah layak untuk memohon kemasukan ke SBP bermula tahun 2020 bagi sesi persekolahan tahun 2021 dan untuk tahun seterusnya.

Syarat pemilihan murid ke sekolah khusus termasuk SBP adalah melepasi syarat minimum PKSK dan aktif dalam aktiviti kokurikulum.

KPM sedang merangka dasar yang lebih komprehensif dan menyeluruh bagi memperkuatkan pendekatan pengambilan murid ke SBP dengan memberikan keutamaan kepada murid berpotensi dalam kalangan keluarga yang kurang berkemampuan. Ini adalah selaras dengan usaha KPM untuk menyediakan akses pendidikan yang berkualiti dan saksama kepada murid B40.